


Oleh Presiden  
Dieter F. Uchtdorf  
Penasihat Kedua dalam  
Presidensi Utama



# Orang Benar akan Hidup Oleh Iman

## Rabai dan Pembuat Sabun

Terdapat suatu kisah Yahudi tentang seorang pembuat sabun yang tidak percaya kepada Tuhan. Satu hari semasa dia berjalan kaki bersama seorang rabai, dia berkata, “Ada sesuatu yang saya tidak dapat faham. Kita ada agama untuk beribu-ribu tahun. Tetapi di mana-mana kamu melihat ada kejahatan, kebinasaan, ketidakjujuran, ketidakadilan, kesakitan, kelaparan, dan keganasan. Kelihatannya agama tidak memperbaiki dunia sama sekali. Jadi saya menanya kamu, apa gunanya?”

Rabai tidak menjawab untuk satu masa tetapi terus berjalan kaki dengan pembuat sabun. Akhirnya mereka menghampiri taman permainan di mana kanak-kanak, diliputi dengan debu, tengah bermain di dalam tanah.

“Ada sesuatu yang saya tidak faham,” rabai berkata. “Pandanglah kanak-kanak itu. Kita ada sabun untuk beribu-ribu tahun, tetapi kanak-kanak itu masih kotor. Apa guna sabun?”

Pembuat sabun menjawab, “Tetapi rabai, tidak adilnya untuk menyalahkan sabun disebabkan kanak-kanak kotor ini. Sabun perlu digunakan sebelum ia boleh mencapai tujuannya.”

Rabai senyum dan berkata, “Tentulah.”

## Bagaimana Kita Akan Hidup?

Rasul Paulus, memetik seorang nabi daripada Perjanjian Lama, meringkaskan apa maksudnya untuk menjadi orang percaya apabila dia menulis, “Orang benar akan hidup oleh iman” (Roma 1:17)

Mungkin dalam ayat mudah ini kita memahami perbezaan di antara satu agama yang lemah dan tidak berkesan

dengan agama yang berkuasa untuk mengubahkan kehidupan.

Tetapi untuk memahami apa maksudnya untuk hidup oleh iman, kita harus memahami apakah iman.

Iman adalah lebih banyak daripada kepercayaan. Ia adalah kepercayaan penuh kepada Tuhan disertakan dengan tindakan.

Ia adalah lebih banyak daripada keinginan.

Ia adalah lebih banyak daripada hanya berehat-rehat, mengangguk kepala kita, dan berkata kita bersetuju. Apabila kami bercakap “orang benar akan *hidup oleh iman*,” kami maksud kita dibimbing dan diarahkan oleh iman kita. Kita *bertindak* dengan cara yang konsisten menurut iman kita—bukan daripada perasaan kepatuhan yang tidak berfikir dahulu tetapi daripada kasih sayang yang yakin dan ikhlas bagi Tuhan kita dan bagi kebijaksanaan tidak ternilai yang Dia telah mengungkapkan kepada anak-anak-Nya.

Iman harus disertakan dengan tindakan; jika tidak ia tidak bermakna (lihat Yakobus 2:17). Ia bukan iman langsung. Ia tidak berkuasa untuk mengubahkan seorang individu, apa lagi dunia ini.

Lelaki dan perempuan beriman mempercayai kepada Bapa Syurgawi berbelas kasihan mereka—walaupun semasa keadaan tidak menentu, walaupun semasa keadaan kerauan dan kesusahan apabila mereka mungkin tidak melihat dengan sempurna atau memahami dengan jelas.

Lelaki dan wanita yang beriman bersungguh-sungguh berjalan di jalan penganutan dan berusaha untuk mengikuti teladan Juruselamat kesayangan mereka, Yesus Kristus. Iman mendorong dan, sememangnya, memberi

inspirasi kepada kami untuk mencondongkan hati kita ke syurga dan secara aktif untuk menghulurkan, mengangkat, dan memberkati sesama kita.

Agama tanpa tindakan bagaikan sabun yang tertinggal di dalam kotaknya. Ia mungkin mempunyai potensi mengagumkan, tetapi sebenarnya ia mempunyai sedikit kuasa untuk membuat perbezaan sehingga ia mencapai tujuan kegunaannya. Injil yang dipulihkan Yesus Kristus ialah Injil tindakan. Gereja Yesus Kristus mengajar agama benar sebagai pesanan harapan, iman, dan kasih ihsan, termasuk menolong orang lain dengan cara rohani dan duniawi.

Beberapa bulan yang lalu, isteri saya, Harriet, dan saya dalam perjalanan keluarga bersama beberapa daripada anak-anak kami di kawasan Mediterranean. Kami mengunjung beberapa khemah-khemah orang pelarian dan melawat keluarga-keluarga dari negara-negara yang dilanda perang. Orang ini tidak menyembah menurut iman kita, tetapi mereka saudara dan saudari kita dan mereka segera memerlukan bantuan. Hati kami sangat tersentuh apabila kami mengalami secara langsung bagaimana iman aktif daripada ahli-ahli Gereja kita membawa bantuan, kelegaan, dan harapan kepada sesama kita yang diperlukan, tanpa mengira agama, kewarganegaraan, atau pendidikan mereka.

Iman penuh dengan tindakan yang konsisten akan mengisi hati dengan kebaikan, minda dengan kebijaksanaan dan pengertian, dan jiwa dengan kedamaian dan kasih sayang.

Iman kita boleh memberkati dan mempengaruhi dengan soleh kedua-dua orang di sekeliling kita dan kita sendiri.

Iman kita boleh mengisi dunia dengan kebaikan dan kedamaian.

Iman kita boleh mengubah kebencian menjadi kasih sayang dan musuh menjadi kawan.

Orang benar, kemudian, hidup dengan bertindak oleh iman; mereka hidup dengan mempercayai kepada Tuhan dan berjalan ke dalam jalan-Nya.

Dan ia jenis iman yang dapat mengubah individu, keluarga, negara, dan dunia ini.

---

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Uchtdorf menjelaskan bahawa iman adalah lebih banyak daripada pernyataan kepercayaan sahaja. Iman benar kepada Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus memerlukan tindakan, dan hidup oleh iman berkuasa untuk mengubah hidup-hidup dan rumah-rumah. Anda boleh menjemput orang yang anda mengajar untuk berkongsi detik-detik di mana mereka telah

melihat berkat dan kuasa daripada hidup oleh iman—daripada contoh peribadi atau pemerhatian orang lain. Memberi galakkan kepada mereka untuk berdoa bagi bimbingan untuk bagaimana mereka menghidupkan Injil dengan lebih baik.

## REMAJA

### Melayani Orang Dengan Iman

Presiden Uchtdorf memberitahu kita bahawa iman kita kepada Tuhan *harus* “disertakan dengan tindakan.” Apabila iman kita “penuh dengan tindakan yang konsisten,” dia menjelaskan, ia “mengisi . . . jiwa dengan kedamaian dan kasih sayang.” Dengan perjanjian daripada berkat ini, kita *dapat* membuat perbezaan, dan kita dapat melihat ini dalam hidup kita jika kita mengambil masa untuk melakukan pelayanan penuh dengan iman. Anda boleh berdoa setiap pagi untuk meminta Tuhan untuk membantu dalam melayani orang lain. Contohnya, minta Dia untuk menunjuk kepada anda apabila adik perlu tolongan dengan satu tugas atau apabila kawan perlu satu pujian. Kemudian, apabila anda menerima satu bisikan, bertindak pada itu! Jika anda membuat doa-doa ini dan pelayanan ini sebagai tabiat, kemudian tindakan beriman dan konsisten anda akan memberkati hidup anda dan hidup orang lain. Presiden Uchtdorf berjanji bahawa anda “boleh mengubah individu, keluarga, negara, dan dunia ini.”

## KANAK-KANAK

### Percaya

Cuba aktiviti ini dengan kawan. Anda akan perlu mempercayai dan mengikut arahan mereka dengan berhati-hati.

Mengambil sekeping kertas yang kosong dan melukis bulatan padanya yang mewakili muka. Dengan pen atau pensel dalam tangan anda, tutup mata anda. Benarkan kawan anda memberitahu anda di mana untuk melukis mata, hidung, mulut, dan rambut pada muka ini. Kemudian, melihat itu. Bagaimana ia terjadi? Anda boleh mewarnakan mukanya dan melukis sekali lagi untuk bermain semula!

Kadangkala ia adalah susah untuk mengikut arahan. Tetapi apabila kita mencuba mengikut Bapa Syurgawi dengan mendengar kepada Roh Kudus, Dia akan menolong kita. Kita selalu dapat mempercayai Dia.



# Sumpah dan Perjanjian Imamat

*Kaji bahan pengajaran ini dengan berdoa dan cari inspirasi untuk mengetahui apa yang harus dikongsi. Bagaimana dengan memahami tujuan Lembaga Pertolongan menyediakan anak perempuan Tuhan untuk berkat kehidupan abadi?*

Iman, Keluarga, Pertolongan

Semakin kita sebagai para saudari memahami bahawa sumpah dan perjanjian imamat berkaitan dengan kita secara peribadi, semakin kita akan menghayati berkat dan perjanjian imamat.

Elder M. Russell Ballard dari Kuorum Dua Belas Rasul berkata, “Semua yang membuat perjanjian kudus bersama Tuhan dan menghormati perjanjian itu menjadi layak untuk menerima wahyu peribadi, untuk diberkati oleh pelayanan para malaikat, untuk bercakap dengan Tuhan, menerima Injil yang dipulihkan, dan akhirnya, untuk menjadi pewaris bersama Yesus Kristus bagi semua yang Bapa memiliki.”<sup>1</sup>

Berkat-berkat dan perjanjian-perjanjian daripada sumpah dan perjanjian imamat berkaitan dengan kedua-dua lelaki dan perempuan. Sister Sheri L. Dew, bekas penasihat dalam Presidensi Umum Lembaga Pertolongan, berkata, “Kegenapan imamat yang dikandung dalam tatacara-tatacara tertinggi dalam rumah Tuhan hanya dapat

diterima oleh lelaki dan wanita bersama-sama.”<sup>2</sup>

Sister Linda K. Burton, Presiden Umum Lembaga Pertolongan, telah mengeluarkan panggilan ini, “Saya menjemput anda untuk menghafal sumpah dan perjanjian imamat, yang dapat ditemukan dalam Ajaran dan Perjanjian 84:33–44. Dengan melakukan demikian, saya berjanji kepada anda bahawa Roh Kudus akan meluaskan pengertian anda tentang imamat dan memberi inspirasi dan meningkatkan anda dalam cara menakjubkan.”<sup>3</sup>

Arahan Joseph Smith kepada Lembaga Pertolongan bertujuan untuk menyediakan wanita untuk “datang ke dalam kepunyaan hak keistimewaan & berkat-berkat & kurnia daripada imamat.” Ini akan dicapai melalui tatacara-tatacara bait suci.

“Tatacara bait suci [ialah] tatacara imamat, tetapi mereka [tidak] melimpahkan jawatan Pengkhotbah pada lelaki atau wanita. [Tatacara-tatacara ini menyempurnakan]

perjanjian Tuhan kepada umat-Nya—wanita dan lelaki—akan ‘dianugerahi dengan kuasa dari tempat yang tinggi’ [A&P 38:32].”<sup>4</sup>

## ***Tulisan suci dan Maklumat Tambahan***

Ajaran dan Perjanjian 84:19-40, 10; 121:45; [reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org)

### **NOTA**

1. M. Russell Ballard, “Men and Women and Priesthood Power,” *Liahona*, Sept. 2014, 36.
2. Elaine L. Jack, dalam *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 128.
3. Linda K. Burton, “Priesthood Power—Available to All,” *Ensign*, Jun 2014, 39–40.
4. Gospel Topics, “Joseph Smith’s Teachings about Priesthood, Temple, and Women,” [topics.lds.org](http://topics.lds.org).

### ***Pertimbangkan Ini***

Apakah anda boleh melakukan dengan lebih mendalam untuk memahami dan mendapatkan berkat dijanjikan daripada sumpah dan perjanjian imamat.